

TINGKATAN 4 BAB 5 – PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 **Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946 yang ditolak oleh penduduk tempatan.**

Mengapakah Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada 25 Julai 1946?

- Bincang** Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
Wakil Terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan pegawai kanan British.

2 **Siapakah yang terlibat dalam Jawatankuasa Kerja tersebut?**

- British** Wakil Kerajaan British - A.T. Newbould (Ketua Setiausaha Malayan Union)
UMNO Wakil UMNO - Dato' Onn Jaafar
Raja Wakil Raja-raja Melayu - Raja Kamarulzaman Raja Ngah Mansur (Raja Kecil Tengah Perak)

3 **Nyatakan cadangan Jawatankuasa Kerja tersebut.**

- Satu** Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat.
Pulih Memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu.
Jaga Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.
Tubuh Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri.
Syarat Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat.

4 **Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pemimpin Malaysia dalam mewujudkan keamanan negara? Kemukakan alasan anda.**

- Perpaduan** Mewujudkan perpaduan pelbagai kaum – elakkan pertelingkahan – pendidikan untuk perpaduan
Undang Menguatkuasakan undang-undang dengan tegas tanpa mengira status kedudukan
Pendidikan Meningkatkan mutu pendidikan negara – lahirkan modal insan berkualiti – rakyat berkemahiran
Rundingan Mengadakan rundingan secara damai – tangani konflik dengan bijak
Hubungan Mengukuhkan hubungan baik dengan negara luar – mantapkan Kerjasama pelbagai bidang

5 **Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 mendapat reaksi berbeza dalam kalangan nasionalis Melayu radikal terutama Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).**

Apakah maksud radikal?

- Terbuka** Istilah radikal digunakan oleh British kepada golongan ini kerana keberanian mereka menentang British secara terbuka.
Anti-British Membangkitkan perasaan anti-British dalam penulisan.
Tentang Mereka menentang penjajah British kerana British bertindak menindas golongan nasionalis Melayu radikal.

6 **Apakah reaksi nasionalis Melayu radikal dalam usaha menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948?**

- Bidas** Golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British.
Tutup Kerana menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO sahaja.
Tepi Pihak British mengetepikan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) daripada Jawatankuasa Kerja.
Gabung Bergabung membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).

- 7 Namakan pertubuhan Melayu yang terlibat dalam PUTERA.**
- PKMM** Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dipengerusikan oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi.
API Angkatan Pemuda Insaf (API) diterajui oleh Ahmad Boestamam sebagai presiden.
GERAM Gerakan Angkatan Muda (GERAM) diketuai oleh Aziz Ishak dan Abdul Samad Ismail.
Hizbul Hizbul Muslimin diketuai oleh Abu Bakar al-Baqir.
BATAS Barisan Tani Malaya (BATAS) diketuai oleh Musa Ahmad.
AWAS Angkatan Wanita Sedar (AWAS) diketuai oleh Shamsiah Fakeh.
- 8 Sebagai generasi muda, apakah tanggungjawab anda dalam memastikan kedaulatan negara dapat dikekalkan? Berikan hujah anda.**
- Belajar** Belajar bersungguh-sungguh – menjadi modal insan yang berkualiti
Bahasa Menguasai pelbagai bahasa – kuasai kemahiran
Peraturan Mematuhi peraturan – pentingkan perpaduan – tolak keganasan
Semangat Mengukuhkan semangat cinta akan negara – jati diri kukuh
Berani Bekerja keras – bersikap berani dan cekal – berdaya saing – bersikap terbuka
- 9 Jawatankuasa Kerja yang merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 tidak disenangi oleh golongan nasionalis Melayu radikal dan golongan bukan Melayu kerana tidak melibatkan semua pihak. Apakah yang dilakukan oleh golongan bukan Melayu?**
- Tubuh** Golongan bukan Melayu menubuhkan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA).
Pengerusi Pengerusinya ialah Tan Cheng Lock.
Tunduk Golongan ini menganggap British tunduk kepada tuntutan UMNO.
Tidak demokratik Mereka beranggapan penubuhan Jawatankuasa Kerja ini tidak demokratik.
Gabung AMCJA kemudiannya bergabung dengan PUTERA.
- 10 Siapakah yang terlibat dalam All Malaya Council of Joint Action (AMCJA)?**
- PMFTU** Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU). Setiausahanya ialah Chan Loo.
MDU Malayan Democratic Union (MDU) dipengerusikan oleh John Eber.
MIC Malayan Indian Congress (MIC) diketuai oleh John Thivy sebagai presiden.
- 11 Mengapakah AMCJA-PUTERA bergabung?**
- Tolak** Kumpulan ini menolak perjanjian persekutuan.
Bantah AMCJA membantah kerana Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu.
Tidak demokratik PUTERA dan AMCJA menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik.
Kukuh Mengukuhkan British dan perkauman.
Umum Julai 1947, cadangan perlembagaan yang telah disemak oleh Jawatankuasa Kerja diumumkan kepada awam.
Terbuka Gabungan PUTERA-AMCJA menentang cadangan perlembagaan tersebut secara terbuka.
- 12 Pada pendapat anda, apakah sumbangan nasionalis Melayu radikal dalam perjuangan kemerdekaan negara kita? Beri hujah anda.**
- Merdeka** Melaungkan perjuangan kemerdekaan.
Matlamat Matlamat perjuangan membebaskan tanah air daripada penjajahan, menyatukan seluruh Tanah Melayu dan enggan berkompromi dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan.
Hak Bebas Memperjuangkan hak semua kaum dalam sebuah negara.
Akhbar Memberikan penekanan kepada kebebasan hak bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar. Contoh: Ahmad Boestamam menerbitkan akhbar Suara Rakyat sebagai wadah untuk membuka minda rakyat ke arah idea ingin bebas dan merdeka.
Mudah diterima Fahaman kebangsaan yang diperjuangkan oleh golongan ini mudah diterima oleh sesetengah rakyat.

PKMM	PKMM berjaya menubuhkan cawangannya di seluruh negeri Perak, Hulu Langat, Selangor dan Temerloh, Pahang.
Keahlian	Jumlah keahlian PKMM pada bulan Julai 1947 dianggarkan melebihi 53 ribu orang.
Perjuangan	Memperjuangkan pembelaan terhadap ketidakadilan - berjuang berdasarkan prinsip dan falsafah - sehingga digelar tokoh politik nasional.

13 PUTERA-AMCJA menentang rangka Perjanjian Persekutuan 1948. Gabungan ini tidak bersetuju dengan perwakilan Jawatankuasa Kerja yang hanya diwakili oleh UMNO, Raja-raja Melayu dan British. Apakah cadangan PUTERA-AMCJA setelah menolak penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

(i) Cadangan PUTERA

Bahasa	Kedudukan Bahasa Melayu.
Pertahanan	Pertahanan dan hal ehwal luar negeri.
Kewarganegaraan	Syarat kewarganegaraan Tanah Melayu.
Bendera	Bendera dan lagu kebangsaan.

(ii) Cadangan AMCJA

Satu	Penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura.
Pusat	Sebuah kerajaan pusat yang kuat.
Raja	Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
Melayu	Kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu.
Agama	Adat istiadat dan agama Islam.
Warganegara	Syarat kewarganegaraan.

14 PUTERA-AMCJA mencadangkan Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif kepada Perjanjian Persekutuan 1948. Apakah kandungan perlembagaan tersebut?

Satu	Tanah Melayu disatukan dengan Singapura.
Dewan	Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu.
Sama	Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan sanggup mencurahkan kesetiaan tanpa berbelah bahagi.
Raja	Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan yang bertanggungjawab kepada rakyat dan menerima nasihat melalui Majlis Mesyuarat.
Agama	Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu diketuai sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas.
Khas	Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu.
Bahasa	Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu.
Pertahanan	Hal ehwal luar negeri dan pertahanan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British.
Warganegara	Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
Warna	Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu.

15 Pada pendapat anda, adakah cadangan PUTERA-AMCJA diterima baik oleh British?

Berikan hujah anda.

Tidak	Tidak.
Tolak	British telah menolak Perlembagaan Rakyat dan menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang digubal oleh Jawatankuasa Kerja.
Hartal	PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal pada 20 September 1947.
Tutup	Meminta semua peniaga menutup kedai dan memberhentikan semua kegiatan ekonomi oleh peniaga sebagai tanda bantahan.
Tarikh	Tarikh 20 Oktober 1947 merupakan tarikh yang dipilih untuk Hari Hartal Se-Malaya.

- Sokongan** Menerusi sokongan Dewan Perniagaan Cina, hartal dilaksanakan di bandar utama di Tanah Melayu.
- Protes** Protes tanpa keganasan ini telah diadakan dengan cara menutup semua premis yang beroperasi seperti kilang, kedai, sekolah, pejabat dan ladang.

5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- 1 Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.**

Apakah faktor-faktor yang mendorong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- Tentangan** Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.
- Cadangan** Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO.
- Sokongan** Sokongan pentadbir British.

- 2 Siapakah pegawai tinggi British yang mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu?**

Sir Edward Gent
 Malcolm MacDonald
 Sir Ralph Hone
 Gammans
 A.T. Newbould
 Roland Braddell
 W. Linehan
 Theodore Adams

- 3 Piagam Atlantik telah diisytiharkan pada bulan Ogos 1941.**

Apakah yang anda tahu tentang Piagam Atlantik?

- Rangka** Piagam ini dirangka oleh Britain dan Amerika Syarikat
- Tindakan** Prinsip piagam ini berkaitan dengan matlamat pelan tindakan untuk dunia selepas berlakunya peperangan supaya tiada lagi peluasan wilayah.
- Dekolonisasi** British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi (bebas kan wilayah) yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik.

- 4 Cadangkan persiapan yang perlu dilakukan negara bagi menghadapi cabaran imperialisme baharu. Beri alasan anda.**

- Pemimpin** Pemimpin berwibawa untuk negara yang kuat
- Pentadbiran** Pentadbiran kerajaan yang cekap – pertahanan kukuh
- Rakyat** Rakyat bersatu padu menghadapi cabaran – kukuh pegangan agama – berpendidikan tinggi – kukuh jati diri – bersemangat cinta akan negara – generasi muda berkualiti
- Ekonomi** Ekonomi negara yang kukuh – kurang bergantung sumber luar / import
- Hubungan luar** Menjalinkan hubungan luar dengan baik - dasar luar yang strategik

- 5 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 (PTM) didorong oleh beberapa faktor seperti penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO serta sokongan pentadbir British.**

Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan PTM 1948?

- Aman** Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi.
- Dorong** Terdapat pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu - Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newbould, Roland Braddell, W. Linehan dan Theodore Adams.
- Cadang** Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan.

Beri	Misalnya, memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan.
Temu	Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang dan di King's House, Kuala Lumpur.
Peluang	British memberikan peluang kepada Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas.
Stabil	Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil - mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini.
Dekolonisasi	Pada masa yang sama, British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik.

6 Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union kerana memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

Bagaimanakah penentangan ini membawa kepada penubuhan PTM 1948?

Gammans	Ahli Parlimen British, iaitu Gammans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.
Lapor	Mereka melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada Dewan Parlimen British selepas kembali ke England.
Huru-hara	Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu.
Sedia	Ketika pelbagai penentangan dan bantahan dilakukan, persediaan untuk menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dijalankan.
Runding	Melalui rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British
Temu	Pertemuan dan perundingan dengan Raja-raja Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946.
Gabenor	Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union
Konflik	Tujuan mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan kerajaan British berhubung dengan isu Malayan Union.
Cadangan	Dalam pertemuan tersebut, Raja-raja Melayu mencadangkan perkara berikut:
Raja	Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan. Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union. Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor. Raja berkuasa dalam perundangan. Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.
Jelas	Sultan Perak sebagai jurucakap Raja-raja Melayu menjelaskan kepada Sir Edward Gent.
Desak	Mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan sebelum membincangkan perkara lain.
Surat	Gammans dan Rees Williams menyampaikan surat bantahan daripada Sultan Perak di Parlimen British.

Cadangan jawapan:

(Menggunakan Formula Fakta + Huraian + Contoh = FHC)

Penentangan terhadap pelaksanaan Malayan Union (MU) membawa kepada penubuhan PTM 1948 berlaku apabila Gammans dan Rees William telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap MU. Hal ini kemudiannya dilaporkan kepada Dewan Parlimen British. Menurut Gammans, keadaan huru-hara di Tanah Melayu berlaku akibat daripada penentangan dan bantahan terhadap MU.

Seterusnya, dalam masa bantahan tersebut berlaku pihak British melalui rundingan dengan Raja-Raja Melayu dan UMNO menggubal perjanjian PTM. Rundingan berlaku di Kuala Kangsar bertujuan mengatasi konflik berhubung isu MU.

Dalam hal ini, Raja-raja Melayu dan UMNO mencadangkan penubuhan persekutuan bagi menggantikan MU. Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor dan Raja berkuasa dalam perundangan.

Akhir sekali, Sultan Perak telah mendesak British menerima usul pembentangan persekutuan. Hal ini menyebabkan Gammans dan Rees William menyampaikan surat bantahan daripada Sultan Perak kepada Parlimen British. Kesannya, PTM 1948 ditubuhkan di Tanah Melayu menggantikan MU.

7 Apakah cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO dalam pertemuan dengan British berkaitan Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946?

- Persekutuan** Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.
- Perjanjian** Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.
- Jawatan** Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.
- Raja** Raja berkuasa dalam perundangan.
- Perkataan** Perkataan “Negeri-negeri Melayu” perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.

8 Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union menyedarkan kerajaan British bahawa Malayan Union telah ditolak oleh penduduk tempatan dari segenap lapisan. Hal ini memaksa British menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah iktibar daripada semangat perpaduan di atas? Kemukakan alasan anda.

- Bersatu** Saling bersatu padu mencapai matlamat
- Junjung** Sentiasa menjunjung institusi beraja
- Kongsi** Sanggup berkongsi kuasa – utamakan kepentingan negara
- Rasional** Sentiasa berfikiran rasional – berunding mencapai matlamat
- Korban** Sanggup berkorban untuk negara – ikhlas dalam perjuangan
- Sensitif** Menolak isu-isu sensitif
- Bersama** Bersemangat kebersamaan
- Terbuka** Bersikap terbuka
- Nilai** Berpegang nilai-nilai murni

5.3 **Ciri-Ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948**

1 Jawatankuasa Kerja mengambil masa lima bulan untuk menyelesaikan kerja merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Nyatakan ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Pentadbiran
- Kuasa Raja-raja Melayu
- Perundangan
- Kewarganegaraan

2 Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditadbir?

- Gabungan** Persekutuan dibentuk menerusi gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat.
- Singapura** Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan.
- Ketua** Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.
- Tanggung jawab** Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama.
- Tubuh** Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British.
- Ahli** Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi.
- Tidak rasmi** Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.
- Pelbagai** Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum.

3 Berikan komen anda berkaitan perkara berikut.

Apakah kuasa yang diberikan kepada Raja-raja Melayu dalam PTM 1948?

- Majlis** Sebuah Majlis Raja-Raja dibentuk.
- Pandangan** Membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu.
- Negeri** Bagi peringkat negeri pula, sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

4 Bagaimanakah perundangan dilaksanakan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- Ketua** Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi.
- Bidang kuasa** Bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.
- Perkenan** Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja.

5 Ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, antaranya termasuklah pentadbiran, kuasa Raja-raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu.

Nyatakan ciri-ciri kewarganegaraan PTM 1948.

- Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang
- Kewarganegaraan secara pendaftaran

6 Jelaskan ciri-ciri kewarganegaraan tersebut.

(i) Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang

- Jus soli** Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British.
- Luar negeri** Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British.
- Negeri** Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian
- Melayu** Persekutuan Tanah Melayu.
- Rakyat Raja** Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan.

(ii) Kewarganegaraan secara pendaftaran

- Lahir** Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
- Baik** Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

7 Pada pendapat anda, bagaimanakah kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia boleh ditamatkan? Berikan hujah anda.

(i) Penamatan kewarganegaraan cara sukarela

- Umur** Umur lebih daripada 21 tahun
- Waras** Waras akal fikiran
- Tidak mahu** Tidak mahu menjadi warganegara Malaysia

(ii) Penamatan kewarganegaraan cara paksa

- Lain** Mempunyai kerakyatan negara lain
- Tidak setia** Tidak setia kepada negara Malaysia
- Derhaka** Menderhaka terhadap kerajaan semasa peperangan
- Musuh** Menjalankan aktiviti dengan musuh Malaysia
- **Seseorang warganegara dibuktikan dia tidak setia kepada negara sama ada melalui percakapan atau tindakannya yang boleh mencemar keselamatan dan kedaulatan negara.**

5.4 Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Nyatakan kesan daripada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Kembali** Kedudukan Raja-raja Melayu dikembalikan.
- Terjaga** Kedudukan istimewa orang Melayu terpelihara / terjaga.
- Terbuka** Kewarganegaraan terbuka kepada orang bukan Melayu.
- Kerjasama** Kerjasama kaum terbentuk.

2 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan dan maruah Raja-raja Melayu seperti sebelum perang, Buktikan.

- Majlis** Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Pengerusi** Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu.
- Anggota** Keanggotaannya terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu.
- Rujuk** Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

3 Bagaimanakah PTM 1948 berjaya mewujudkan kerjasama kaum di negara kita?

- Pupuk** Kerjasama kaum penting dalam usaha memupuk perpaduan.
- Buka** Membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama antara kaum.
- CLC** Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).
- Cadangan** Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
- Berjaya** Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.
- Rintis** Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957.
- Merdeka** Sekali gus membawa kemerdekaan.

4 Pada pendapat anda, apakah kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada negara kita?

Kemukakan hujah anda.

Jaga	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.
Buka	Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara.
Penting	Pemimpin dan rakyat sama penting dalam usaha mendukung perpaduan bangsa.
Gabung	Gabungan kuat antara rakyat dengan pemimpin yang dipayungi oleh Raja-raja Melayu berjaya merungkai percaturan dan rancangan rapi yang disusun oleh pihak British untuk melemahkan orang Melayu.
Kerjasama	Kerjasama antara Raja-raja Melayu dengan UMNO membolehkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terbentuk.
Kembali	Mengembalikan status Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
Iktiraf	British mengiktiraf dasar menaungi negeri Melayu semula seperti sebelum Perang Dunia Kedua.
Peranan	Peranan Raja-raja Melayu dan orang Melayu penting dalam usaha mendukung perjuangan maruah bangsa.
Tolak ansur	Tolak ansur antara kaum juga penting untuk mencapai matlamat penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

5 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara di negara kita.

Apakah kesan terhadap kedudukan istimewa orang Melayu?

Iktiraf	PTM 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu.
Asal	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

6 Bagaimanakah orang bukan Melayu diberikan taraf kewarganegaraan?

(i) Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang

Jus soli	Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British.
Lahir	Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British.
Asal	Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
Rakyat Raja	Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan.

(ii) Kewarganegaraan secara pendaftaran

Lahir	Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu.
Mastautin	Bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
Tingkah laku	Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

7 Terangkan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(i) Kedudukan Raja-raja Melayu dikembalikan

Majlis	Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
Pengerusi	Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu.
Anggota	Keanggotaannya terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu.
Rujuk	Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

(ii) Kedudukan istimewa orang Melayu terpelihara / terjaga.

Iktiraf PTM 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu.
Asal Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

(iii) Kewarganegaraan terbuka kepada orang bukan Melayu.

Buka Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara.
Iktiraf Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

(iv) Kerjasama kaum terbentuk.

Pupuk Kerjasama kaum penting dalam usaha memupuk perpaduan.
Buka Membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama antara kaum.
CLC Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).
Cadangan Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
Berjaya Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.
Rintis Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957.
Merdeka Sekali gus membawa kemerdekaan.

8 Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjadi asas kukuh kepada sistem pentadbiran Malaysia pada hari ini. Buktikan.

Kongsi Konsep perkongsian kuasa antara kerajaan pusat dan negeri
Senarai Wujud senarai persekutuan dan senarai negeri
Konsep Konsep Raja Berperlembagaan
Ketua Raja sebagai Ketua Negara iaitu Yang Dipertuan Agong
Sultan Sultan menjadi Ketua Negeri
Lantik Sultan berhak melantik Menteri Besar sebagai Ketua Pentadbir negeri
Demokrasi Konsep demokrasi berparlimen
Majlis Kewujudan Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Perundangan Persekutuan
Perkenan Sultan bertanggungjawab memperkenalkan rang undang-undang